



IKLAN PERMOHONAN AGIHAN ZAKAT GURU AGAMA SECARA ATAS TALIAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur 17 tahun dan keatas.
2. Lahir di Negeri Kedah/ Menetap di Negeri Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun.
3. Mengajar dalam negeri Kedah sahaja.
4. Berpendapatan kasar (gaji pokok beserta elaun) tidak melebihi RM 2,000.00 sebulan.
5. Masa mengajar tidak kurang dari tempoh 1 jam.
6. Jumlah pelajar sekurang-kurangnya 10 orang.
7. Kelas pengajian mestilah tidak kurang 12 kali setahun.
8. Bukan penerima skim agihan zakat bulanan, guru agama umumi, guru agama KEDA dan agihan khas guru & kakitangan Sekolah Agama Rakyat (SAR).
9. LZNK berhak menolak permohonan sekiranya tidak diisi dengan lengkap dan jelas.

2. KAEDAH MENGISI PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan Agihan Zakat di pautan <https://agihan.zakatkedah.com.my> dengan memilih **Agihan Zakat Guru Agama** serta memuat naik lampiran dokumen-dokumen berikut :

1. Kad Pengenalan Pemohon (kad pengenalan baru)
2. Slip gaji, penyata pendapatan [surat pengesahan pendapatan](#) (bagi yang tidak berkerja atau yang tiada slip gaji).
3. Pengesahan akaun bank pemohon (selain ASB dan Tabung Haji).
4. Hanya permohonan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan sahaja akan dipertimbangkan.

3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan Agihan Zakat Guru Agama akan ditutup pada **17 FEBRUARI 2024**